

Koperasi Guru-Guru Sekolah Malaysia (KGSM) Berhad

KGSM

KGSM BERHAD

SAMBUTAN **100** TAHUN
(1926-2026)

2025
LAPORAN
TAHUNAN



En. Zulkafli Bin Mohamed Mokhtar
Pengarah Pendidikan Negeri Perak
Merangkap Yang Dipertua KGSM Bhd.



En. Mohd Firdaus Bin Hussin
Pengarah SKM Negeri Perak

ANGGOTA LEMBAGA KGSM BHD. 2025 / 2026



BENDAHARI
En. Chan Kok Wah



PENGERUSI
En. Muslim Bin Ahmad



SETIAUSAHA
En. Tan Heang Khon



En. Kamaruddin Bin
Mohammed Saad



En. Phoon Kean Loon



En. Ooi Eng Kooi



En. Ku Nasrullah Bin
Ku Mohamed



En. Choong Yien Keong



En. Muhammad
Zamhari Bin Ismail



En. Megat Zulrushdi
Bin Haji Fahimudin



En. Seow Chee Yuan



En. Bong Lip Chi



En. Lim Song Khan



En. Lee Kok Siong



En. Eng Khai Guan

JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN



**En. Mohammad Shamil
Bin Mohammad Selim**
Pengerusi



En. Chiu Yiew Kian
Setiausaha



En. Liew Boon Ket



**En. Muzzafar Bin
Mohd Zain**



Cik. Ho Bee Ling

LAPORAN TAHUNAN K G S M BERHAD 2025

BIL	K A N D U N G A N	MUKA SURAT
1	Senarai Nama Yang Dipertua, Anggota Lembaga & Jawatankuasa Audit Dalam KGSM Bhd.	2
2	Amanat Yang Dipertua	3-4
3	Ucapan Sekalung Penghargaan Pengarah SKM Perak	5
4	Notis & Atur cara Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-97	6
5	Agenda Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-97	7
6	Penentuan Suruhanjaya Bagi Pelantikan Anggota Lembaga Koperasi	8
7	Etika Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan	9-10
8	Laporan Pengerusi KGSM Bhd.	11-14
9	Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-96	15-26
10	Pandangan Suruhanjaya Terhadap Akaun Koperasi Bagi Tahun 2022 hingga 2025	27
11	Laporan Jawatankuasa Audit Dalam KGSM Bhd Tahun 2025	28-29
12	Laporan Berkanun Lembaga Koperasi Tahun 2025	30-34
13	Laporan Juruaudit Luar Terhadap Akaun Tahunan 2025	35-39
14	Penyata Akaun Koperasi Tahun 2025	40-100
15	Belanjawan Tahunan Bagi Tahun 2026	101
16	Kehadiran Mesyuarat ALK & Jawatankuasa Kecil Tahun 2025	102
17	Sewaan Bangunan-Bangunan KGSM Bhd	103
18	Peringatan & Perhatian Kepada Anggota KGSM Bhd	104

KOPERASI GURU-GURU SEKOLAH MALAYSIA BERHAD

NO. 67 & 69, JALAN CHUNG THYE PHIN, 30250 IPOH,
PERAK DARUL RIDZUAN.

Tel : 05-2537575 / 2531896 / 2550382 / 2556584 H/P : 019-7330563 / 013-6342308

Email : kopergg@yahoo.com Laman Web : <http://www.kgsm.com.my>

Pegawai dan Anggota Lembaga Koperasi 2025

Yang Dipertua	En. Zulkafli Bin Mohamed Mokhtar, P.M.P Pengarah Pendidikan Negeri Perak
Pengerusi	En. Muslim B. Ahmad
Setiausaha Kehormat	En. Liew Chee Ming (Sehingga 24/07/2025) En. Tan Heang Khon (Mulai 25/07/2025)
Bendahari Kehormat	En. Chan Kok Wah
Anggota Lembaga Koperasi	En. Phoon Kean Loon En. Ooi Eng Kooi En. Kamaruddin B. Mohammed Saad En. Lim Teng Seong (Sehingga 24/11/2025) En. Chang Hon Yew (Sehingga 31/03/2025) En. Ku Nasrullah B Ku Mohamed En. Choong Yien Keong En. Muhammad Zamhari Bin Ismail En. Megat Zulrushdi Bin Fahimudin En. Lee Kok Seng (Sehingga 11/11/2025) En. Seow Chee Yuan En. Bong Lip Chi (Mulai 29/05/2025) En. Lim Song Khan (Mulai 01/09/2025)
Jawatankuasa Audit Dalaman	En. Lee Kok Siong En. Bong Lip Chi (Sehingga 28/05/2025) Pn. Chang Sau Chan En. Mohammad Shamil Bin Mohammad Selim En. Lim Song Khan (Hingga 31/08/2025)

Amanat Yang Dipertua KGSM Bhd

Yang Berbahagia Tuan Zulkafli Bin Mohamed Mokhtar, P.M.P.

Pengarah Pendidikan Negeri Perak



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan Salam Perak Sejahtera 2030.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana saya diberi kesempatan untuk menyampaikan amanat kepada anggota KGSM Bhd sempena Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) Kali Ke-97 Tahun 2026.

Pada kesempatan ini, selaku Yang Dipertua KGSM Bhd, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada KGSM Bhd yang memberikan kepercayaan kepada saya untuk menukilkan sepatah dua kata sebagai amanat kepada anggota KGSM Bhd. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada seluruh anggota KGSM Bhd kerana telah menggerakkan gerakan koperasi dengan penuh iltizam dan berdaya saing dalam memastikan KGSM Bhd terus relevan sebagai pemain ekonomi di negara kita.

Sebagai koperasi yang ampuh, saya yakin KGSM Bhd akan terus mengorak langkah untuk melakarkan kejayaan yang lebih cemerlang. Saya juga difahamkan bahawa KGSM Bhd telah dianugerahkan sebagai koperasi terbaik di Negeri Perak pada tahun 2025. Semua kejayaan yang dikecapi ini merupakan refleksi komitmen dan keyakinan anggota terhadap KGSM Bhd.

Lantaran itu, saya menasihati pihak KGSM Bhd agar memastikan kebajikan anggota tidak ditinggirkan. Dalam situasi ini, pihak KGSM Bhd perlu mencari inisiatif untuk memastikan prakarsa kebajikan anggota diberikan keutamaan.

Para perwakilan dan anggota KGSM Bhd sekalian,

Tahun ini merupakan tahun yang amat signifikan kepada KGSM Bhd kerana genaplah 100 tahun penubuhannya. Dalam menempuh liku-liku perjalanan tersebut, pelbagai cabaran terpaksa diharungi oleh KGSM Bhd. Berkat sokongan anggota, ketelusan urus tadbir serta integriti tatakelolanya, KGSM Bhd mampu untuk terus berada di landasan kecemerlangan.

Sebagai antara koperasi yang tersenarai dalam anugerah 100 koperasi terbaik di Malaysia, saya berharap agar kecemerlangan ini dapat diteruskan momentumnya. Saya difahamkan KGSM Bhd telah dinobatkan sebagai koperasi yang menduduki tangga ke-18 pada tahun 2025. Saya berharap agar pada tahun 2026, KGSM Bhd dapat naik ke tangga yang lebih baik daripada tahun sebelumnya.

Anugerah ini bukanlah alasan untuk KGSM Bhd alpa dengan pencapaian tersebut, sebaliknya perlu dilihat dan diambil iktibar agar dapat menjadi pemangkin yang mampu melonjakkan lagi kejayaan KGSM Bhd.

Pada tahun ini, MAPT Kali Ke-97 akan diadakan di Ipoh, Perak sempena sambutan ulang tahun ke-100 penubuhan KGSM Bhd. Lazimnya, MAPT KGSM Bhd acap kali diadakan di Genting Highlands. Saya selaku Yang Dipertua KGSM Bhd dengan rendah hati dan berbesar hati mengalu-alukan semua perwakilan untuk sama-sama berkampung di Ipoh.

Selamat datang ke Ipoh Bandar Raya Sejahtera kepada seluruh perwakilan.

Penetapan MAPT Kali Ke-97 di Ipoh mempunyai nostalgia yang amat rapat dengan sejarah penubuhan KGSM Bhd. Di sinilah bermulanya sejarah penubuhannya. Jika disoroti sejarah, KGSM Bhd yang ditubuhkan pada tahun 1926 terus melebarkan kemampuannya sehingga menjadi antara koperasi yang mampu menempa nama di peringkat nasional.

Semua kejayaan ini harus diraikan dengan penuh kesyukuran. Sehubungan dengan itu, semua perwakilan yang telah dipilih oleh para anggota hendaklah melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan penuh amanah. Jadikanlah medan MAPT Kali Ke-97 ini sebagai tempat yang benar-benar berperanan untuk membicarakan suara akar umbi yang difikirkan boleh membawa manfaat kepada kemaslahatan anggota.

Akhir bicara, saya dengan penuh keyakinan percaya bahawa MAPT Kali Ke-97 ini dapat disempurnakan dengan penuh berhemah. Saya yakin kematangan para perwakilan yang rata-ratanya terdiri daripada golongan pendidik dan mantan pendidik mempunyai tahap rasional dan kematangan yang tinggi, selaras dengan tema sambutan Hari Guru 2026 iaitu:

"Guru Bitara Nadi Negara"

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



Zulkafli Bin Mohamed Mokhtar, P.M.P.
Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Perak

KATA ALUAN
PENGARAH SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI PERAK



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat ilahi dengan izinNya diberikan ruang dan kesempatan kepada saya untuk menukilkan kata alu-aluan di dalam buku laporan Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) Koperasi Guru-Guru Sekolah Malaysia Berhad bagi tahun 2026. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada barisan Anggota Lembaga Koperasi serta pihak pengurusan koperasi di atas komitmen dan kesungguhan dalam menjayakan MAT pada kali ini.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada barisan Anggota Lembaga Koperasi, pihak pengurusan serta seluruh anggota koperasi atas dedikasi dan usaha berterusan dalam memastikan koperasi terus berkembang maju, berdaya saing dan kekal relevan dalam landskap ekonomi semasa. Sekalung tahniah diucapkan kepada koperasi memperoleh kedudukan ke-18 dalam Profil 100 Koperasi Terbaik Malaysia Tahun 2025. Pencapaian ini membuktikan bahawa segala usaha, komitmen dan perancangan strategik yang dilaksanakan selama ini telah Berjaya melonjakkan koperasi ke tahap yang membanggakan serta terus unggul dalam setiap cabang perniagaan yang diceburi.

Sesungguhnya, kejayaan sesebuah koperasi bukan sahaja diukur melalui pencapaian kewangan semata-mata, malah turut dinilai berdasarkan keupayaannya menjaga kebajikan anggota, memperkukuhkan semangat kerjasama dan memberikan manfaat berterusan kepada komuniti. Saya amat menghargai usaha berterusan koperasi ini dalam memperkasakan sektor pendidikan dan meningkatkan taraf sosioekonomi warga pendidik di negara ini.

Saya berharap agar koperasi ini akan terus memperkukuhkan tadbir urus, meningkatkan integriti pengurusan serta mempelbagaikan aktiviti ekonomi yang mampan selaras dengan aspirasi gerakan koperasi negara.

Akhir kata, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan MAT ini. Saya juga menyeru kepada semua anggota agar memanfaatkan MAT ini sebagai platform rasmi untuk mengemukakan idea yang bernas serta pandangan yang membina demi memastikan koperasi terus maju dan menjadi penyumbang yang signifikan kepada pembangunan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Firdaus'.

MOHD FIRDAUS BIN HUSSIN
Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Cawangan Negeri Perak

NOTIS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN

Dengan ini diberitahu bahawa Perasmian dan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke-97 bagi KOPERASI GURU-GURU SEKOLAH MALAYSIA BERHAD akan diadakan seperti di bawah:

Tarikh : 04 Julai 2026 (Sabtu)

Masa : 8.00 Pagi

*Tempat : Kingston Hotel 15 @ Ipoh, Perak
(Formerly known as Tower Regency Hotel)*

PENDAFTARAN

Perwakilan hendaklah melaporkan diri untuk pendaftaran seperti di bawah :

Tarikh : 03 Julai 2026 (Jumaat)

Masa : 2.00 petang hingga 6.00 petang

*Tempat : Kingston Hotel 15 @ Ipoh, Perak
(Formerly known as Tower Regency Hotel)*

ATUR CARA MAPT KGSM BERHAD KE-97

04 JULAI 2026

MASA	PERKARA
8.00 pagi	Pendaftaran Untuk Perwakilan KGSM Bhd.
8.30 pagi	- Ketibaan Yang Berbahagia Pengarah Pendidikan Negeri Perak Merangkap Yang Di pertua KGSM Berhad. - Ketibaan Yang Berbahagia Pengarah (SKM) Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Perak.
	UPACARA PERASMIAN
8.45 pagi	Bacaan Doa.
8.50 pagi	Ucapan Aluan oleh En. Muslim Bin Ahmad Pengerusi KGSM Bhd.
9.00 pagi	Ucapan oleh Yang Berbahagia En. Zulkafli bin Mohamed Mokhtar Pengarah Pendidikan Negeri Perak Merangkap Yang Dipertua KGSM Bhd.
9.15 pagi	Ucapan dan Perasmian Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan oleh Yang Berbahagia En. Mohd Firdaus Bin Hussin Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Perak
9.35 pagi	Jamuan Ringan
10.00 pagi	Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Dimulakan

MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KALI KE – 97

AGENDA

1. Pelantikan Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke-97.
2. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke-96 Yang Telah Diadakan Pada 21 Jun 2025.
3. Memilih Anggota Lembaga Koperasi.
4. Menimbang Laporan-laporan Lembaga Dan Jawatankuasa Audit Dalam.
5. Menimbang Dan Meluluskan Akaun-akaun Teraudit Koperasi Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2025.
6. Menimbang Dan Meluluskan Cadangan Pembahagian Keuntungan Untuk Tahun Berakhir 31 Disember 2025.
7. Meluluskan Elaun-elaun Kepada Anggota Lembaga Dan Jawatankuasa Audit Dalam.
8. Menimbang Dan Meluluskan Belanjawan Bagi Tahun Kewangan 2027.
9. Mengumumkan Keputusan Pemilihan Anggota Lembaga Koperasi.
10. Meluluskan Pelantikan Satu Panel Yang Terdiri Daripada Senarai Juruaudit Diluluskan Oleh Suruhanjaya Yang Berdaftar Dengan Lembaga Pemantauan Audit Untuk Mengaudit Akaun-akaun Koperasi Tahun 2025.
11. Menimbang Dan Meluluskan Wang Berlebihan Koperasi Tidak Melebihi Ringgit Malaysia Sembilan Puluh Sembilan Juta Untuk :
 - (a) Pelaburan Tanah (Pertanian / Perindustrian / Bangunan).
 - (b) Pelaburan Dalam Saham Amanah / Saham.
 - (c) Pelaburan Projek Usahasama.
12. Menimbang Dan Meluluskan Had Maksimum Keterhutangan Koperasi Tidak Lebih Daripada Ringgit Malaysia Sepuluh Juta Dengan Kadar Faedah Tidak Lebih Daripada Faedah Pasaran Semasa.
13. Melantik Suatu Jawatankuasa Yang Terdiri Daripada Enam Orang Perwakilan Dan Empat Orang Anggota Lembaga Untuk Menentukan Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke-97.
14. Menimbang Dan Meluluskan Cadangan Pindaan Kepada Undang-Undang Kecil Koperasi.
15. Menimbang Dan Meluluskan Cadangan Pindaan Kepada Aturan-Aturan Koperasi.
16. Menimbang Dan Memutuskan Usul-usul Bertulis Yang Telah Disampaikan Kepada Setiausaha Sekurang- kurangnya TUJUH Hari Sebelum Tarikh Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan.
17. Menimbang Dan Memutuskan Apa-apa Aduan Yang Suatu Notis Yang Tidak Kurang Daripada TUJUH Hari Telah Dikemukakan Kepada Koperasi Oleh Perwakilan Yang Terkilan Dengan Sesuatu Keputusan Lembaga.
18. Menimbang Dan Meluluskan Apa-apa Laporan Yang Hendak Dikemukakan Menurut Akta Dan Peraturan. Dengan Perintah Anggota Lembaga KGSM Bhd.

TAN HEANG KHON
Setiausaha Kehormat

Perwakilan yang inginkan penjelasan mengenai laporan dan penyata kira-kira dikehendaki menghantar pertanyaan secara bertulis kepada Setiausaha sekurang-kurangnya 7 hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan.

KENYATAAN

PENENTUSAHAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA BAGI PELANTIKAN / PELANTIKAN SEMULA ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI DI BAWAH SUBSEKSYEN 43(2) AKTA KOPERASI 1993

1. Semua calon yang ingin bertanding sebagai Anggota Lembaga Koperasi hendaklah ditentukan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) terlebih dahulu sebelum pelantikan dibuat.
2. Semua calon yang ingin bertanding hendaklah mengisi borang-borang di bawah (Semua borang ini boleh didapati melalui laman web http://www.skm.gov.my/garis_panduan.GP3) :-
 - (i) Borang SKM / BP
 - (ii) Borang SKM / TAP / KEW
3. Semua borang di atas yang telah lengkap diisi hendaklah disertakan dengan lampiran-lampiran seperti yang disenaraikan di bawah dan dihantar ke pejabat KGSM Bhd untuk semakan :-
 - (i) Keputusan Carian Kebangkrapan (Jabatan Insolvensi Malaysia)
 - (ii) Keputusan Laporan Kredit Institusi Kewangan (CCRIS)
 - (iii) Keputusan Laporan Kredit Koperasi
 - (iv) Salinan Kad Pengenalan
 - (v) Salinan Sijil Menghadiri Kursus Wajib (jika ada)
4. Pihak KGSM Bhd hanya akan mengemukakan permohonan penentusahan kepada SKM setelah borang-borang beserta dengan lampiran-lampiran tersebut diisi lengkap oleh pemohon.
5. Semua permohonan hendaklah disampaikan kepada SKM selewat-lewatnya dua bulan sebelum tarikh Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan diadakan.

ETIKA MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN

1 PERHIMPUNAN

Para perwakilan dikehendaki berhimpun di tempat pada masa dan tarikh yang ditetapkan, serta bersurai seperti yang tercatat di dalam Agenda Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan.

2 BAHASA RASMI

Bahasa rasmi untuk Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan adalah Bahasa Melayu.

3 PENGENALAN

Setiap perwakilan hendaklah memakai tag nama masing-masing sepanjang masa di dewan mesyuarat.

4 Pengerusi Mesyuarat

Seorang perwakilan yang dipilih oleh majlis mesyuarat hendaklah mempengerusikan mesyuarat agung perwakilan tahunan itu.

5 PERJALANAN MESYUARAT

Semua perkara di dalam agenda mestilah diutamakan dari perkara-perkara lain. Perwakilan yang ingin mengutarakan usul untuk dipertimbangkan di dalam mesyuarat mestilah memberi notis secara bertulis kepada Setiausaha sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan.

6 MINIT MESYUARAT

Setiausaha hendaklah membaca minit, ataupun dianggap telah dibaca, tetapi tidak ada usul atau perbincangan dibenarkan terhadap minit tersebut kecuali mengenai ketepatan minit itu sendiri. Selepas pengesahan minit, Pengerusi mestilah menandatangani dan perwakilan boleh mengemukakan soalan-soalan bersabit dengan perkara-perkara yang berbangkit. Soalan-soalan dibenarkan hanya terhadap penerangan semata-mata dan tidak ada perbahasan mengenai polisi yang telah dimintakan.

7 PEMILIHAN PEMIDATO

Setiap perwakilan mestilah berdiri semasa berucap, dan menghormati Pengerusi sebagai "Tuan Pengerusi". Dia mestilah menyatakan nama dan kawasannya. Apabila lebih daripada seorang bangun untuk berucap, orang yang pertama akan diberi keutamaan. Pengerusilah yang akan menentukannya, tetapi perwakilan yang bangun dengan serta merta selepas orang pertama habis berucap berhak memberi ucapan.

8 KUASA Pengerusi

Sekiranya Pengerusi mengarahkan seorang perwakilan duduk atau atas sebab-sebab lain mengenai perjalanan mesyuarat, perwakilan yang sedang berucap mestilah duduk, dan tidak seorang perwakilan pun dibenarkan bangun berucap sehingga Pengerusi habis berucap. Kuasa Pengerusi terhadap apa-apa soalan mengenai peruntukan etika mesyuarat atau sebarang penerangan adalah muktamad.

9 GANGGUAN

Sekiranya mana-mana perwakilan mengganggu seorang perwakilan lain yang sedang berucap di dalam mesyuarat atau menggunakan bahasa yang kasar atau lucah atau menyebabkan gangguan terhadap mesyuarat dan sekiranya dia membantah keputusan Pengerusi, maka Pengerusi berkuasa mengusir perwakilan berkenaan keluar dari dewan mesyuarat. Perwakilan tersebut tidak dibenarkan masuk ke dewan semula sehingga beliau telah memohon maaf kepada daripada Pengerusi. Perwakilan tidak dibenarkan meninggalkan dewan tanpa kebenaran Pengerusi.

10 UCAPAN

Seorang perwakilan tidak dibenarkan berucap kecuali mengenai usul atau pindaan dan juga tidak dibenarkan berucap dua kali mengenai sesuatu perkara yang diusulkannya sendiri di mana dia berhak memberi jawapan balas. Mengenai pindaan terhadap usul yang diutarakan, mana-mana perwakilan walaupun telah berucap mengenainya berhak berucap lagi mengenai pindaan itu. Masa yang dibenarkan untuk membuat ucapan selain daripada ucapan pembukaan, mestilah tidak melebihi had yang ditetapkan seperti di bawah kecuali dengan keizinan Pengerusi :

Ucapan atau usul atau pindaan di mana notis telah diberi	- 7 minit
Sebarang ucapan atau perbincangan	- 3 minit
Jawapan balas oleh pengusul	- 3 minit

Pengerusi berhak dengan budibicaranya membenarkan seorang perwakilan berucap dalam masa tambahan yang tidak melebihi 3 minit. Perwakilan yang ingin menyuarakan sesuatu atau memberi penerangan mestilah terlebih dahulu mendapat keizinan Pengerusi. Mana-mana perwakilan pun boleh menyokong usul atau pindaan dan memberi ucapannya di akhir perbahasan.

11 USUL-USUL DAN PINDAAN-PINDAAN

Cadangan pertama mengenai sesuatu perkara tertentu disebut sebagai "Usul Asal" (Original Motion), dan semua cadangan berikutnya disebut sebagai pindaan-pindaan. Tiap-tiap usul atau pindaan mestilah dibentangkan dan disokong oleh perwakilan yang hadir dalam mesyuarat sebelum usul atau pindaan tersebut boleh dibincangkan dan di mana perlu hendaklah dikemukakan secara bertulis. Seorang perwakilan dibenarkan memberi ucapan terlebih dahulu sebelum membentangkan usulnya. Sekiranya sesuatu pindaan dikemukakan terhadap usul asal, tidak ada sebarang pindaan lain boleh dibincangkan sehingga pindaan pertama dibatalkan. Notis sebarang pindaan lanjutan hendaklah diberi sebelum pindaan pertama diundikan.

12 USUL GANTI

Sekiranya sesuatu usul pindaan diluluskan, usul pindaan ini akan menggantikan usul asal itu dan dengan sendirinya menjadi usul ganti. Pindaan-pindaan lanjut yang berkaitan dengan usul ganti boleh dibawa dengan syarat pindaan-pindaan itu tidak meliputi sesuatu pindaan atau usul yang telah ditolak sebelumnya. Selepas pengundian sesuatu pindaan telah diambil, cadangan yang masih wujud boleh diundi sebagai soalan utama, dan sekiranya diluluskan cadangan itu akan menjadi satu resolusi mesyuarat.

13 HAK MENJAWAB

Pembawa usul asal, sekiranya tiada pindaan, berhak memberi jawapan di akhir perbahasan usul tersebut. Sekiranya ada pindaan dibuat, dia juga berhak berucap menurut Etika Mesyuarat No. 10 pada akhir perbahasan mengenai pindaan, tetapi tidak boleh mengemukakan perkara baru. Usul atau pindaan akan diundi dengan serta merta dan di dalam apa keadaan sekalipun tidak dibenarkan berbincang setelah diundi. Pembawa pindaan tidak boleh lagi memberi sebarang penjelasan.

14 PENUTUP PERBAHASAN

Usul untuk menamatkan sesuatu perkara dalam perbincangan boleh diutarakan dan disokong oleh perwakilan yang selama ini tidak berucap dalam perbahasan tersebut. Ucapan tidak dibenarkan untuk usul usul ini. Sekiranya usul ini diluluskan, pembawa usul asal berhak menjawab tertakluk kepada Etika Mesyuarat No. 13 sebelum usul tersebut diundi.

15 PENGUNDIAN

Semua usul mestilah ditentukan dengan undi majoriti, sekiranya berlaku undi sama banyak, maka usul tersebut dianggap kalah. Sekiranya pada pendapat Pengerusi undi perlu dikira semula terpujanglah kepada budibicara beliau sendiri untuk membuat sedemikian. Pengerusi tidak berhak mengundi. Tiap-tiap perwakilan mempunyai satu undi sahaja. Undian hendaklah dijalankan secara angkat tangan kecuali di mana oleh suara majoriti untuk dijalankan secara undi sulit.

16 PENGGANTUNGAN PERUNTUKAN ETIKA MESYUARAT

Dalam keadaan yang tertentu, Pengerusi bolehlah dengan budibicaranya menerima permintaan untuk menggantungkan mana-mana bahagian Peruntukan Etika Mesyuarat dan membenarkan perkara itu dibincangkan dengan segera. Perwakilan yang membuat permintaan tersebut mestilah menyatakan sebab musababnya dengan jelas.

17 PERUNTUKAN ETIKA KHAS

Perwakilan tidak dibenarkan menyebarkan atau menyebabkan penyebaran sebarang risalah bercetak di kawasan dalam atau di sekitar dewan di mana Mesyuarat Agung diadakan sama ada waktu sebelum atau pada masa mesyuarat sedang dijalankan tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Pengerusi Mesyuarat.

18 KUASA PEMBATALAN

Lembaga dari semasa ke semasa boleh mengemukakan cadangan kepada Mesyuarat Agung bagi membatalkan atau meminda mana-mana peruntukan Etika Mesyuarat Agung Perwakilan ini.

LAPORAN PENERUSI KGSM BHD

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarokatuh, Salam Sejahtera Dan Salam Malaysia Madani Kepada Semua Anggota KGSM Bhd Yang Dihormati Sekalian.



Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita bertemu lagi dalam medan ini. Sempena dengan perayaan ulang tahun ke - 100 Kita akan bertemu bersemuka untuk melangsaikan tanggungjawab wajib tahunan kita dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke-97. Kali ini MAPT ke - 97 akan dijalankan di Ipoh iaitu di Hotel Kingston 15, Ipoh pada 4 Julai 2026. Selamat datang kepada semua para perwakilan ke Bandar Raya Ipoh, Perak Darul Ridzuan. MAPT Kali ke-97 sepatutnya perlu dijalankan sebelum berakhir 30 Jun 2026. Namun disebabkan kekangan untuk mendapatkan tempahan hotel di Ipoh pada bulan Jun 2026 tidak dapat dipenuhi, maka tarikh tersebut terpaksa ditunda kepada 4 Julai 2026. Pihak KGSM Bhd telah memaklumkan dan memperoleh kebenaran daripada pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia berhubung dengan kekangan tersebut. Sehubungan dengan itu, saya selaku Pengerusi KGSM Bhd berharap agar MAPT kali ke - 97 dapat dilaksanakan dalam suasana yang kondusif dan sempurna. Dalam kesempatan ini, saya dengan rendah hati memohon maaf atas kesulitan berkenaan. Saya selaku Pengerusi KGSM Bhd dengan penuh tanggungjawab membentangkan laporan tahunan KGSM Bhd 2026 berhubung dengan maklumat, gerak kerja, dan perkembangan KGSM Bhd.

KEANGGOTAAN

Jumlah anggota sehingga 31 Disember 2025 ialah seramai 10,212 orang.

PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

KGSM Bhd diuruskan oleh 15 orang Anggota Lembaga yang dilantik dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan dan dibantu oleh 3 orang tenaga pengurusan yang disokong oleh 21 orang staf menerusi 6 unit seperti berikut:

Unit	Pengurus	Penolong Pengurus	Pegawai Eksekutif	Pen. Peg. Eksekutif	Pembantu Tadbir	Pekerja Am Rendah
Pentadbiran	1	2			1	
Akaun			1	1	2	
Pentadbiran Am / Keanggotaan			1	1	3	1
Pinjaman			1		2	
Insurans				1	1	
Komputer				1	1	

PRESTASI KEWANGAN TAHUN 2025

Prestasi kewangan KGSM Bhd bagi tahun kewangan 2025 adalah seperti berikut:-

Modal Yuran Terkumpul	RM 118,921,022
Harta Aset	RM 201,859,626
Keuntungan Kasar	RM 14,456,966
Keuntungan Bersih	RM 8,523,265

Secara keseluruhannya, prestasi kewangan KGSM Bhd 2025 telah berjaya

memperoleh pendapatan tahunan sebanyak RM 14,456,966 berbanding RM 13,502,719 pada tahun 2024, KGSM Bhd Berjaya mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM 8,523,265 pada tahun 2025.

PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN

Berdasarkan kedudukan kewangan di atas, Anggota Lembaga KGSM Bhd telah mencadangkan supaya keuntungan ini diagihkan kepada tabung-tabung tertentu mengikut Akta Koperasi 1993. Dalam usaha untuk memberikan pulangan kepada anggota, Anggota Lembaga KGSM Bhd mencadangkan pembayaran dividen atas yuran sebanyak 5.55% dan syer 10% bagi tahun 2025, setelah mengambil kira simpanan 15% ke Kumpulan Wang Berkanun sebagaimana yang telah ditetapkan oleh SKM. Cadangan dividen ini akan melibatkan bayaran RM 6,568,040 kepada 10,212 orang anggota KGSM Bhd di seluruh negara. Peningkatan caruman yuran anggota menunjukkan keyakinan anggota terhadap kekukuhan pengurusan kewangan koperasi yang dapat memberikan pulangan yang lebih baik daripada kadar simpanan tetap di bank.

Dividen Kasar (Yuran dan Syer)	RM 6,568,039
Kumpulan Wang Dermasiswa	RM 30,000
Kumpulan Wang Kebajikan Bersara	RM 400,000
Kumpulan Wang Khairat Kematian	RM 20,000
Kumpulan Wang Penebusan Syer	-Nil-
Tabung Bantuan Kebajikan Am	RM 50,000
Honorarium untuk Anggota Lembaga	RM 90,000
Keuntungan dibawa ke tahun hadapan	RM 86,735

AKTIVITI-AKTIVITI KOPERASI 2025

(a) Pembiayaan Dan Kemudahan Kredit Kepada Anggota

Kemudahan kredit / pinjaman merupakan perkhidmatan dan sumber pendapatan yang utama bagi KGSM Bhd di samping pelaburan saham. Perbagai jenis pinjaman dengan kadar faedah serendah 2.50% hingga 3.99% diperkenalkan.

Anggota Lembaga KGSM Bhd berharap agar para anggota dapat mengambil peluang yang ditawarkan untuk menikmati kemudahan ini. Peningkatan jumlah pinjaman akan menambahkan pendapatan koperasi dalam bentuk perolehan faedah. Hal ini seterusnya memberi pulangan dividen yang baik kepada anggota KGSM Bhd.

Jenis-jenis pinjaman yang boleh diperolehi daripada KGSM Bhd adalah seperti berikut :-

Jenis Pinjaman	Kadar Faedah	Had Maksimum Pinjaman	Tempoh Bayaran Balik
Biasa	2.95% - 3.99%	RM 200,000	1-10 Tahun
90% Atas Yuran	2.95% - 3.60%	RM 200,000	1-10 Tahun
Kecemasan	3.75%	RM 10,000	1-5 Tahun
Pendidikan Tinggi	3.75%	RM 50,000	2-10 Tahun
Pengguna	3.75%	RM 10,000	1-7 Tahun
Pelancongan	3.75%	RM 30,000	1-7 Tahun
Kereta	2.50% - 3.49%	RM 200,000	1-10 Tahun

Pada tahun 2025, perolehan daripada pinjaman adalah seperti berikut:-

Jumlah Bilangan Permohonan Pinjaman : 465 Orang

Jumlah Pinjaman dikeluarkan : RM 14,162,300

Jumlah Faedah diterima : RM 3,379,678

(b) Pelaburan Saham

Pada tahun 2025 jumlah keuntungan dividen daripada pelaburan adalah sebanyak RM 5,381,355. Pihak Anggota Lembaga KGSM Bhd sentiasa mencari peluang dalam pelaburan. Khususnya bon bagi menambahkan pendapatan KGSM Bhd. Walau bagaimanapun, sebarang tindakan berbentuk pelaburan akan diperinci secara teliti dari segi risiko yang bakal dihadapi. Proses ini juga dilaksanakan dengan mengambil kira pandangan dan nasihat daripada pihak SKM.

AKTIVITI SOSIAL DAN KEBAJIKAN

(a) Tabung Bantuan Kebajikan Am

Tabung Bantuan Kebajikan Am yang bermula pada Januari 2001 telah dapat mengumpulkan sumbangan sebanyak RM 4,739,998 sehingga 31 Disember 2025. Melalui tabung ini sebanyak RM 110,000 telah dibayar kepada waris anggota yang telah meninggal dunia pada tahun 2025. Jumlah keseluruhan yang telah dibayar kepada waris anggota yang telah meninggal dunia dari tahun 2002 hingga tahun berakhir 31/12/2025 adalah sebanyak RM 2,114,000.

(b) Program Tangjawab Sosial Korporat (CSR) 2025

Bagi memastikan KGSM Bhd terus relevan dalam menyantuni pelbagai program sosial dan libat urus masyarakat demi memasyarakatkan koperasi dalam khalayak masyarakat, pelbagai program CSR diluncurkan oleh pihak KGSM Bhd. Antaranya:

- I) Sebanyak 20 buah sekolah telah dipilih menerima CSR KGSM Bhd.
- II) Kelab Jabatan Pelajaran Perak.
- III) Persatuan Kebajikan Pejabat Pendidikan (Kinta Utara).

PENUTUP

Akhir kata, saya menyeru kepada semua perwakilan dan anggota KGSM Bhd agar terus memberikan komitmen dan dukungan yang jitu terhadap KGSM Bhd demi kelangsungan KGSM Bhd. Jadikanlah perayaan ulang tahun ke-100 KGSM Bhd sebagai perangsang untuk melihat KGSM Bhd terus cemerlang. Diversiti aktiviti KGSM Bhd yang digarapkan oleh barisan ALK diharapkan dapat menyuntik daya saing ke arah kecemerlangan KGSM Bhd. Marilah kita bersama-sama Menjulung Nama Menerajui Kejayaan.

"Jadilah lebah yang membawa manisan,
Bukan lalat yang membawa kotoran"

"BERSAMA MENUJU KE ARAH KEGEMILANGAN KGSM BERHAD"

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**MUSLIM BIN AHMAD
PENGERUSI KGSM BHD**



KOPERASI GURU-GURU SEKOLAH MALAYSIA BERHAD

NO. 67 & 69, JALAN CHUNG THYE PHIN, 30250 IPOH, PERAK.

Tel : 05-2537575 / 2531896 / 2553082 H/P : 019-7330563 / 013-6342308

Email : kopergg@yahoo.com

Laman Web : <http://www.kgsm.com.my>

MINIT

Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke-96

KGSM Bhd

Tarikh

21 JUN 2025

Tempat

G.I.C.C.

**First World Hotel,
Genting Highland.**

MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KALI KE – 96

Tarikh Hari : 21 Jun 2025 (Sabtu)
Masa : 10.00 pagi hingga 12:43 tengah hari
Tempat : G.I.C.C Genting Highlands
Kehadiran : 148/153 orang perwakilan (**Sila rujuk ‘Lampiran A’**)

Turut Hadir

- (1) YBhg. En. Osman Bin Mohamed Bahari, A.M.P
Timbalan Pengarah,
Sektor Perancangan dan Pengurusan PPD
Jabatan Pendidikan Negeri Perak,
Wakil Yang Dipertua KGSM Bhd.
- (2) Pn. Juliza Bt Jaafar
Timbalan Pengarah 2,
SKM, Negeri Perak.
- (3) En. Muhammad Akmal Bin Ibrahim
Penolong Pengarah SKM Negeri Perak.
- (4) Juruaudit Luar KGSM Berhad
Firma Juruaudit Hisham & Co
 - (i) Nor Kamisah Binti Abd Hanif
 - (ii) Nurul Asyikhin Binti Azizan

AGENDA MESYUARAT

1. Pelantikan Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke-96

- 1.1 Pengacara Majlis En. Ku Nasrullah bin Ku Mohamed mengucapkan salam sejahtera dan selamat pagi serta ribuan terima kasih kepada para hadirin yang sudi hadir ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke-96.
- 1.2 Beliau memaklumkan mengikut Undang-undang Kecil 35(1), mesyuarat hendaklah memilih mana-mana perwakilan yang hadir untuk mempengerusikan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan. Beliau membuka sadangan untuk pelantikan Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke-96.
- 1.3 En. Chan Cheng Huat (Perwakilan Kawasan Melaka) mencadangkan En. Lee Siong Seng (Perwakilan Kawasan Melaka) dilantik sebagai Pengerusi Mesyuarat dan disokong oleh En. Edie Gan (Perwakilan Kawasan Melaka). En. Sukumaran A/L Karupiah Pillai (Perwakilan Kawasan Sg. Siput) mencadangkan cadangan ditutup dan oleh sebab tidak ada sebarang bantahan, cadangan tersebut disokong dengan sebulat suara.
- 1.4 Seterusnya, Pengerusi KGSM Bhd. mempersilakan En. Lee Siong Seng (Perwakilan Kawasan Melaka) untuk mempengerusikan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke-96 ini.

Ucapan Dan Pesanan Pengerusi Mesyuarat

En. Lee Siong Seng selaku Pengerusi Mesyuarat mengucapkan salam sejahtera dan selamat pagi kepada para hadirin. Beliau juga mengucapkan terima kasih kerana menaruh keyakinan kepada beliau untuk mempengerusikan MAPT pada kali ini. Sebagai Pengerusi Mesyuarat, hasrat beliau adalah mengekalkan dan meneruskan semangat koperasi iaitu mesra dan maju. Sebelum

mesyuarat dimulakan, beliau ingin memastikan kuorum mencukupi untuk menjalankan MAPT ini. Beliau memaklumkan jumlah perwakilan ialah 153 orang, kuorum untuk menjalankan MAPT ini hendaklah sekurang-kurangnya 51 orang perwakilan. Beliau mengumumkan kuorum mencukupi iaitu seramai 148 orang perwakilan telah mendaftarkan diri dan hadir untuk menjalankan MAPT Kali Ke-96.

2. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke-95 Yang Telah Diadakan Pada 22 Jun 2024

- 2.1 En. Liew Chee Ming selaku Setiausaha KGSM Bhd membentangkan minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke-95 dengan merujuk Buku Laporan Tahunan 2024 dari muka surat 16 hingga 26 dan memohon minit dicadangkan sah.
- 2.2 Minit tersebut dicadangkan sah oleh En. Sukumaran A/L Karuppiyah Pillai (Perwakilan Kawasan Sg. Siput). Cadangan ini disokong oleh En. Othaya Kumaran A/L Kandaasamy (Perwakilan Kawasan Sg. Petani). Agenda 2 disahkan oleh mesyuarat dengan sebulat suara.

3. Memilih Anggota Lembaga Koperasi

- 3.1 En. Muslim Bin Ahmad, Pengerusi KGSM Bhd. memaklumkan bahawa:-
 - (a) Menurut subseksyen 43(2) Akta Koperasi 1993, sebelum pelantikan mana-mana orang sebagai Anggota Lembaga, KGSM Bhd. hendaklah mendapatkan penentusahandari pada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) berdasarkan
GP3: Garis Panduan Bagi Pelantikan atau Pelantikan Semula Anggota Lembaga Koperasi
 - (b) Pada MAPT Kali Ke-96 ini, seramai 6 orang perwakilan telah mencalonkan diri dalam pemilihan Anggota Lembaga Koperasi. Keenam-enam calon telah memenuhi kriteria penentusahan SKM seperti mana yang terkandung dalam
GP3: Garis Panduan Bagi Pelantikan Atau Pelantikan Semula Anggota Lembaga Koperasi untuk bertanding sebagai Anggota Lembaga Koperasi. Oleh sebab kekosongan jawatan Anggota Lembaga Koperasi seramai 6 orang, maka tiada pengundian akan dijalankan dalam MAPT ini dan dengan itu keenam-enam calon telah menang tanpa bertanding.
 - (c) Enam calon yang telah menang tanpa bertanding dan diisytiharkan sebagai Anggota Lembaga KGSM Bhd. adalah seperti berikut :-
 - (1) En. Muslim Bin Ahmad
 - (2) En. Chan Kok Wah
 - (3) En. Muhammad Zamhari Bin Ismail
 - (4) En. Lee Kok Seng
 - (5) En. Seow Chee Yuan
 - (6) En. Bong Lip Chi

4. Menimbang Laporan-Laporan Lembaga Dan Jawatankuasa Audit Dalam

- 4.1 En. Muslim Bin Ahmad, Pengerusi KGSM Bhd. membentangkan laporan-laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalam dengan merujuk Buku Laporan Tahunan 2024 dari muka surat 30 hingga 31 dan muka surat 34 hingga 36.
- 4.2 En. Muslim Bin Ahmad, Pengerusi KGSM Bhd. membentangkan laporan-laporan Hj Khairul Bin Hj Abu Kassim (Perwakilan Kawasan Ipoh 14) mencadangkan Laporan-Laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalam diterima. Cadangan tersebut disokong oleh En. Sukumaran A/L Karuppiyah Pillai (Perwakilan Kawasan Sg. Siput)

5. Menimbang Dan Meluluskan Akaun-Akaun Teraudit Koperasi Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024

- 5.1 En. Chan Kok Wah, selaku Bendahari Kehormat KGSM Bhd. membentangkan akaun-akaun teraudit koperasi bagi tahun berakhir 31 Disember 2024 dengan merujuk Buku Laporan Tahunan 2024 dari muka surat 42 hingga 84.
- 5.2 En. Chan Kok Wah, Bendahari Kehormat KGSM Bhd. menjelaskan keuntungan KGSM Bhd. pada tahun 2024 telah meningkatkan kepada RM9,113,428 berbanding dengan dengan RM 8,698,496 pada tahun 2023.

- 5.3 En. Low Hang Koon (Perwakilan Kawasan Alor Setar) merujuk kepada buku laporan m.s 61 dan minta penjelasan tentang pinjaman kepada 4 buah syarikat.
Penjelasan : En. Chan Kok Wah selaku Bendahari Kehormat KGSM Bhd menerangkan bahawa pinjaman tersebut sebenarnya adalah usaha sama (JV) dan penetapan keuntungan adalah seperti berikut :-

i. Mimbar Nusantara Homes Sdn. Bhd.	16%
ii. Sri Bintang Jaya Sdn. Bhd.	17%
iii. Forte Emerald Sdn. Bhd.	15%
iv. Wanniyh Ventures Sdn. Bhd.	13%

- 5.4 En. Chau Tah Soou (Perwakilan Kawasan Segamat) merujuk kepada buku laporan m.s 61 dan ingin mendapat penjelasan keuntungan dan tempoh pembayarannya.

Penjelasan: En. Chan Kok Wah selaku Bendahari Kehormat KGSM Bhd menerangkan bahawa modal usahasama dengan Mimbar Nusantara Homes Sdn Bhd adalah seperti berikut:-

	RM
2023 wang dikeluarkan	11 juta
2024 bayaran diterima	<u>2.2 juta</u>

Baki wang belum diterima RM 8.8 juta

Faedah 16% ke atas baki wang belum diterima RM8.8 juta yang berjumlah RM10,626,667.02 (amaun belum diterima daripada Mimbar Nusantara Homes Sdn. Bhd.)

- 5.5 En. Chan Cheng Huat (Perwakilan Kawasan Melaka) merujuk buku laporan m.s 61 Nota 18 dan ingin mendapat penjelasan tentang keuntungan daripada projek-projek 4 buah syarikat.

Penjelasan: En. Chan Kok Wah selaku Bendahari Kehormat KGSM Bhd menerangkan bahawa setiap 4 buah syarikat memang ada nyatakan kadar peratus keuntungan diimbangi daripada pinjaman mereka, iaitu:

i. Mimbar Nusantara Homes Sdn. Bhd.	16%
ii. Sri Bintang Jaya Sdn. Bhd.	17%
iii. Forte Emerald Sdn. Bhd.	15%
iv. Wanniyh Ventures Sdn. Bhd.	13%

- 5.6 En. Ng Kok Khim (Perwakilan Kawasan Alor Setar) merujuk kepada buku laporan m.s 57 dan ingin penjelasan rosot nilai pelaburan Au Venture Sdn. Bhd. yang berjumlah RM3.2 juta.

Penjelasan: En. Chan Kok Wah selaku Bendahari Kehormat KGSM Bhd menerangkan bahawa pelaburan Au Venture Sdn. Bhd RM 4.7 juta adalah pembelian sebuah stesen minyak BHP berserta satu bidang tanah.

Pelaburan tersebut tidak menjejaskan harta aset KGSM Bhd. Harga tanah yang dibeli bersamaan dengan stesen minyak BHP telah naik daripada RM25.00 sekaki ke RM 50.00 sekaki sekarang berbanding dengan masa yang dibeli.

- 5.7 En. Chan Cheng Huat (Perwakilan Kawasan Melaka) merujuk kepada buku laporan m.s 45 dan bertanya adakah Ahli Lembaga KGSM Bhd akan perincikan keuntungan dan pengurusan kedua-dua syarikat dan kalau ada sebarang kemalangan, siapa yang bertanggungjawab?

Penjelasan: En. Chan Kok Wah selaku Bendahari Kehormat KGSM Bhd menjelaskan bahawa ALK KGSM Bhd telah melantik Pn. Vivian Au seorang profesional yang berpengalaman dalam bidang pengurusan stesen minyak. Butiran pengurusan kedua-dua petrol stesen adalah seperti berikut:-

Fi Pengurusan BHP RM16,000 sebulan
Fi Pengurusan Shell RM35,500 sebulan

KGSM melantik :

- (i) 5 orang ALK sebagai ahli lembaga Au Venture Sdn. Bhd. (Stesen Minyak BHP)
- (ii) 3 orang ALK sebagai ahli lembaga Kembara Pelangi Sdn. Bhd. (Stesen Minyak Shell)

Pihak KGSM Bhd telah mengadakan perjanjian dengan Pn Vivian Au (Au Management) bahawa sebarang urusan, hal ehwal staf termasuk kemalangan akan dipertanggungjawabkan kepada beliau.

- 5.8 En. Chan Cheng Huat (Perwakilan Kawasan Melaka) mencadangkan keuntungan kedua-dua stesen minyak dicetakkan secara berasingan. Cadangan beliau disokong oleh En. Muhammad Akmal bin Ibrahim, Penolong Pengarah SKM Negeri Perak.
- 5.9 En. Ong Thien Chuan (Perwakilan Kawasan Taiping) meminta penjelasan dengan merujuk buku laporan m.s 71 nota 40 keuntungan atas jualan pelaburan RM55,476 tetapi jumlah rosot nilai pelaburan m.s 80 RM1,607,980 dan m.s 81 RM1,673,700

Penjelasan: En. Phoon Kean Loon ALK JK Pelaburan memaklumkan bahawa pelaburan yang dimaksudkan ialah Public Mutual Fund sejak tahun 2010 dan mendapat dividen tiap-tiap tahun. Jumlah dividen yang pihak KGSM Bhd diperolehi selama ini adalah lebih daripada kerugian. Kerugian KGSM Bhd adalah secara atas kertas.

- 5.10 Cik Chai Suet Yen (Perwakilan Kawasan Kampar) merujuk kepada buku laporan Nota 18, penyata kewangan pinjaman kepada 4 buah syarikat dan mencadangkan agar sebarang urusan niaga pinjaman akan datang disemak terlebih dahulu dari segi perundangan dan peraturan SKM dan mendapat kelulusan sebelum pelaksanaan. Beliau mengingatkan para ALK, keuntungan datang bersama risiko. "High risk high return" kemungkinan berakhir dengan "High risk no return".
- 5.11 Setelah penjelasan terperinci berhubung soalan dan cadangan yang dikemukakan oleh para perwakilan berkenaan pelaburan, En. Chiu Yiew Kian (Perwakilan Kawasan Ipoh 10) mencadangkan Akaun-akaun Teraudit Koperasi Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024 diterima. Cadangan ini disokong oleh En. Othaya Kumaran A/L Kandaasamy

(Perwakilan Kawasan Sg. Petani). Agenda 5 diterima sah dan diluluskan dalam mesyuarat dengan sebulat suara.

6. Menimbang Dan Meluluskan Cadangan Pembahagian Keuntungan Untuk Tahun Berakhir 31 Disembe 2024

- 6.1 En. Chan Kok Wah, Bendahari Kehormat KGSM Bhd. membentangkan cadangan pembahagian keuntungan untuk tahun berakhir 31 Disember 2024 dengan merujuk Buku Laporan Tahunan 2024 pada muka surat 44
- 6.2 En. Chan Kok Wah, Bendahari Kehormat KGSM Bhd memaklumkan bahawa kadar dividen tahun 2024 yang dicadangkan ialah sebanyak 5.75% untuk yuran dan 10% untuk saham yang melibatkan jumlah bayaran sebanyak RM6,969,439.00. Manakala pembayaran dermasiswa adalah RM 75 yang melibatkan anggaran perbelanjaan bayaran sebanyak RM85,425.00.
- 6.3 En. Chan Cheng Huat (Perwakilan Kawasan Melaka) mencadangkan agenda Menimbang Dan Meluluskan Cadangan Pembahagian Keuntungan Untuk Tahun Berakhir 31 Disember 2024 diterima sah. Cadangan disokong oleh En. Abdul Karim bin Bakar (Perwakilan Kawasan Batu Gajah). Agenda 6 diterima sah dalam mesyuarat dengan sebulat suara.

7. Meluluskan Elaun-Elaun Kepada Anggota Lembaga Dan Jawatankuasa Audit Dalaman

- 7.1 En. Chan Kok Wah, Bendahari Kehormat KGSM Bhd. membentangkan elaun-elaun Anggota Lembaga dengan merujuk Buku Laporan Tahunan 2024 dari muka surat 82 hingga 83 untuk diterima sah dan diluluskan oleh para perwakilan.
- 7.2 En. Wang Heng Suan (Perwakilan Kawasan Sg. Petani) mencadangkan elaun-elaun tersebut diluluskan. Cadangan ini disokong oleh En. Law Cheng Hooi (Perwakilan Kawasan Sg. Petani). Oleh sebab tidak ada sebarang bantahan, elaun-elaun tersebut diterima sah dalam mesyuarat dengan sebulat suara.

8. Menimbang Dan Meluluskan Belanjawan Bagi Tahun Kewangan 2026

- 8.1 En. Chan Kok Wah, Bendahari Kehormat KGSM Bhd. membentangkan belanjawan bagi tahun kewangan 2026 dengan merujuk Buku Laporan Tahunan 2024 pada muka surat 85.
- 8.2 En. Mohammad Shamil Bin Mohammad Selim (Perwakilan Kawasan Gopeng) mencadangkan belanjawan bagi tahun kewangan 2026 diluluskan. Cadangan ini disokong oleh En. Tan Aik Chong (Perwakilan Kawasan Melaka). Agenda 8 diterima sah dengan sebulat suara.

9. Mengumumkan Keputusan Pemilihan Anggota Lembaga Koperasi

- 9.1 Pengerusi Mesyuarat memaklumkan bahawa keputusan pemilihan Anggota Lembaga Koperasi telah diumumkan dalam agenda 3.

10. Meluluskan Pelantikan Satu Panel Yang Terdiri Daripada Senarai Juruaudit Diluluskan Oleh Suruhanjaya Yang Berdaftar Dengan Lembaga Pemantauan Audit Untuk Mengaudit Akaun-Akaun Koperasi Tahun 2025

- 10.1 Pengerusi KGSM Bhd. meminta cadangan daripada perwakilan supaya mandat diberikan kepada Anggota Lembaga KGSM Bhd. untuk melantik firma audit sebagai Juruaudit Luar untuk mengaudit akaun-akaun koperasi pada tahun yang akan datang. En. Chan Cheng Huat (Perwakilan Kawasan Melaka) mencadangkan pelantikan ini diserahkan kepada Anggota Lembaga KGSM untuk membuat keputusan dan disokong oleh En. Khor Chor Khiam (Perwakilan Kawasan Teluk Intan) Agenda 10 ini diterima sah dengan sebulat suara.

- 11. Menimbang Dan Meluluskan Wang Berlebihan Koperasi Tidak Melebihi Ringgit Malaysia Sembilan Puluh Sembilan Juta Untuk :**
- (a) Pelaburan Tanah (Pertanian / Perindustrian / Bangunan).**
 - (b) Pelaburan Dalam Saham Amanah / Saham.**
 - (c) Pelaburan Projek Usahasama.**
- 11.1 En. Muslim bin Ahmad, Pengerusi KGSM Bhd. memohon para perwakilan untuk meluluskan Agenda 11.
- 11.2 En. Chan Cheng Huat (Perwakilan Kawasan Melaka) mencadangkan supaya Agenda 11 diluluskan. Cadangan ini disokong oleh En. Chew Eng Kean (Perwakilan Kawasan Teluk Intan). Agenda 11 diluluskan dalam mesyuarat dengan sebulat suara.
- 12. Menimbang Dan Meluluskan Had Maksimum Keterhutangan Koperasi Tidak Lebih Daripada Ringgit Malaysia Sepuluh Juta Dengan Kadar Faedah Tidak Lebih Daripada Faedah Pasaran Semasa**
- 12.1 En. Muslim Bin Ahmad, Pengerusi KGSM Bhd memohon para perwakilan untuk meluluskan Had Maksimum Keterhutangan Koperasi Tidak Lebih Daripada Ringgit Malaysia Sepuluh Juta dinaikkan kepada RM30 Juta.
- 12.2 En. Wang Heng Suan (Perwakilan Kawasan Sungai Petani) mencadangkan supaya Agenda 12 diluluskan. Cadangan ini disokong oleh En. Vijayan A/L Rengiah (Perwakilan Kawasan Ipoh 01). Agenda 12 diluluskan oleh mesyuarat dengan sebulat suara.
- 13. Melantik Suatu Jawatankuasa Yang Terdiri Daripada Enam Orang Perwakilan Dan Empat Orang Anggota Lembaga Untuk Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke-96.**
- 13.1 Pengerusi mesyuarat meminta mandat daripada perwakilan supaya 4 orang Anggota Lembaga dipilih oleh Lembaga KGSM Bhd. manakala 6 orang perwakilan dipilih dalam mesyuarat ini sebagai Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke-96.
- 13.2 Mesyuarat sebulat suara bersetuju mandat diberikan kepada Lembaga KGSM Bhd. untuk memilih 4 orang Anggota Lembaga daripada kalangan Anggota Lembaga KGSM Bhd. dan 6 orang perwakilan dipilih dalam mesyuarat ini sebagai Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke-96.
- 13.3 Berikut adalah keputusan pelantikan 6 orang perwakilan setelah cadangan dibuat oleh perwakilan :-

No.	Nama Calon	Nama Pencadang	Nama Penyokong
(1)	En. Hj Khairul Bin Hj Abu Kassim (Kawasan Ipoh 14)	En. Hj Shahidan Bin Yusof (Kawasan Ipoh 14)	En. Mohamad Shamil Bin Mohammad Selim (Kawasan Gopeng)
(2)	En. Chew Eng Kean (Kawasan Teluk Intan)	En. Chan Cheng Huat (Kawasan Melaka)	En. Chau Tah Soou (Kawasan Segamat)
(3)	En. Sukumaran A/L Karuppiyah Pillai (Kawasan Sungai Siput)	En. Vijayan A/L Rengiah (Kawasan Ipoh 01)	En. Hj Shahidan Bin Yusof (Kawasan Ipoh 14)
(4)	Cik. Tan Ming Kuan (Kawasan Kampar)	Kept. Hong Ken Sin (Kawasan Sitiawan)	En. Sukumaran A/L Karuppiyah Pillai (Kawasan Sungai Siput)
(5)	Pn. Wong Lai Keen (Kawasan Ipoh 18)	Pn. Cheow Lai Chee (Kawasan Ipoh 13)	En. Vijayan A/L Rengiah (Kawasan Ipoh 01)
(6)	En. Vijayan A/L Rengiah (Kawasan Ipoh 01)	En. Mohammad Shamli Bin Mohammad Selim (Kawasan Gopeng)	En. Sukumaran A/L Karuppiyah Pillai (Kawasan Sungai Siput)
	Cadangan ditutup	En. Ng Kok Khim (Kawasan Alor Setar)	En. Low Hang Koon (Kawasan Alor Setar)

14. Menimbang Dan Meluluskan Cadangan Pindaan Kepada Undang-Undang Kecil Koperasi.

Tiada

15. Menimbang Dan Meluluskan Cadangan Pindaan Kepada Aturan-Aturan Koperasi Tiada

Tiada

16. Menimbang Dan Memutuskan Usul-usul Bertulis Yang Telah Disampaikan Kepada Setiausaha Sekurang-kurangnya TUJUH Hari Sebelum Tarikh Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan

Usul 1 :-

Menaikkan elaun kehadiran Mesyuarat Agung Kawasan (MAK) daripada RM40 kepada RM60.

Pencadang : En. Khor Chor Khiam (Perwakilan Kawasan Teluk Intan)

Penyokong : En. Tan Cheng Chye (Perwakilan Kawasan Teluk Intan)

En. Muslim Bin Ahmad selaku Pengerusi KGSM Bhd. memaklumkan bahawa usul tersebut telah dibincangkan dalam MLK dan bersetuju menaikkan elaun kehadiran MAK kepada RM 50.00 sahaja.

17. Menimbang Dan Memutuskan Apa-apa Aduan Yang Suatu Notis Yang Tidak Kurang Daripada TUJUH Hari Telah Dikemukakan Kepada Koperasi Oleh Perwakilan Yang Terkilan Dengan Sesuatu Keputusan Lembaga

Tiada.

18. Menimbang Dan Meluluskan Apa-apa Laporan Yang Hendak Dikemukakan Menurut Akta Dan Peraturan, Jika Ada

Tiada.

Ucapan Penangguhan

En. Chau Tah Soou (Perwakilan Kawasan Segamat) mengucapkan terima kasih kepada Lembaga KGSM Bhd dan seterusnya menasihatkan para ALK KGSM Bhd agar berikhtiar untuk mengurangkan perbelanjaan bagi mengatasi masalah kewangan. Beliau turut menegaskan bahawa jumlah keanggotaan yang semakin merosot memerlukan perhatian serius. Oleh itu, beliau mencadangkan agar usaha lebih giat dilakukan untuk merekrut ahli baharu. Selain itu, dalam pemilihan perwakilan diharapkan sekurang-kurangnya 50% daripada mereka masih berkhidmat sebagai guru.

Tuan Pengerusi Mesyuarat menangguhkan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke-96 pada jam 12.43 tengah hari.

Minit disediakan oleh :




.....
(LIEW CHEE MING)
Setiausaha Kehormat
Koperasi Guru-Guru
Sekolah Malaysia Bhd.

Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KGSM Bhd. Kali Ke-96 yang diadakan pada hari Sabtu, 21 Jun 2025 jam 10.00 pagi di G.I.C.C, Genting Highlands disemak dan ditentusahkan betul oleh Jawatankuasa Menentusahkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan dalam mesyuarat yang diadakan pada hari Jumaat bertarikh 04/07/2025 jam 3.00 petang di Bilik Mesyuarat KGSM Bhd., Tingkat 3, Bangunan KSM Bhd., No. 67 & 69, Jalan Chung Thye Phin, 30250 Ipoh, Perak.

1. 


En. Tan Heang Khon
Anggota Lembaga KGSM Bhd.

2. 

En. Muhammad Zamhari b. Ismail
Anggota Lembaga KGSM Bhd.

3. 

En. Lim Teng Seong
Anggota Lembaga KGSM Bhd.

4. 


En. Seow Chee Yuan
Anggota Lembaga KGSM Bhd.

5. 

Hj Khairul b. Hj. Abu Kassim
Perwakilan KGSM Bhd.

6. 

En. Chew Eng Kean
Perwakilan KGSM Bhd.

7. 

En. Sukumaran A/L Karupiah Pillai
Perwakilan KGSM Bhd.

8. 

Cik. Tan Ming Kuan
Perwakilan KGSM Bhd.

9. 

Pn. Wong Lai Keen
Perwakilan KGSM Bhd.

10. 

En. Vijayan A/L Rengiah
Perwakilan KGSM Bhd.

* Tidak hadir dengan bersebab.

**KEHADIRAN PERWAKILAN
MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KGSM BHD KALI KE-96
PADA 21 JUN 2025
GENTING INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE (GICC), GENTING HIGHLANDS**

Kehadiran : 148 orang

Kawasan	No.	Nama Perwakilan	
Alor Setar	1	En. Ng Kok Khim	
	2	En. Low Hang Koon	
	3	En. Tang Han Bi @ Tang Hang Bee	
	4	En. Lim Chin Chong	
Sg. Petani	5	En. Kusun Indin Ngai	
	6	En. Lok Kin Hong	
	7	En. Wang Heng Suan, SDK., AMK., BKM.	
	8	En. Law Cheng Hooi	
B. Mertajam	9	En. Othaya Kumaran A/L Kandaasamy	
